

Analisis Hukum Solat Laylat Al-Qadr Dalam Kitab Tarjuman Karangan Kh. Abdul Hamid

Imamuddin¹
Abdul Karim bin Ali²

Abstrak

Kajian ini akan memperbahaskan pandangan KH. Abdul Hamid terhadap hukum solat Laylat al-Qadr dalam kitab Tarjuman (sekitar tahun 1800-1900 M). Kitab ini adalah kitab asas tauhid dan fiqh. Namun, hukum-hakam fiqh yang lebih banyak diperbincangkan. Mulai daripada bab taharah, salat, puasa, zakat, warisan, muamalah, haji, pernikahan bahkan hukum halal-haram secara umum. Sebahagian masyarakat masih mengamalkan solat Laylat al-Qadr. Dengan solat ini, diharapkan dapat berjumpa dengan malam yang mulia iaitu Laylat al-Qadr yang munculnya setahun sekali. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti pandangan KH. Abdul Hamid terhadap solat Laylat al-Qadr. Untuk mencapai tujuan tersebut, pengkaji menggunakan metode kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa pengamalan solat Laylat al-Qadr berlandaskan kepada hadith yang tidak dapat dijadikan hujah sebab hadith tersebut mawdu' (palsu). Oleh itu, solat ini tidak dapat diamalkan kecuali diganti dengan solat sunat mutlak atau yang lainnya yang diiktiraf oleh syarak.

Kata Kunci: Solat Sunat, Laylat al-Qadr, Pandangan Hukum, KH. Abdul Hamid, Tarjuman.

PENDAHULUAN

Tersebarnya agama Islam di Indonesia pada abad ke 14 M.³, ianya juga tersebar ke daerah-daerah lain di pelbagai pulau di persekitaran Jawa antaranya pulau Madura. Dari generasi kepada generasi, sehingga melahirkan generasi ulama di Madura seperti Shaykhona Kholil (1925 M.)⁴ di kabupaten⁵ Bangkalan dan KH.⁶ Abdul Hamid di kabupaten Pamekasan di

¹ Imamuddin (Calon PhD), Penulis, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. email86resmi@gmail.com.

² Abdul Karim bin Ali, Prof. Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

³ HAMKA, *Sejarah Umat Islam “Pesediaan Menyambut Islam di Tanah Jawa”*. (Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002), 743.

⁴ Beliau adalah Shaykhona KH. Muhammad Kholil bin KH. Abdul Latief bin Hamim bin Abdul Karim bin Muhamarram al-Bangkalani al-Maduri, lahir pada hari Selasa tanggal 11 Jumada al-Thaniyah 1235 H. (1834 M.) dan wafat dalam usia 91 tahun pada tarikh 29 Ramadan 1343 H. (1925 M.). Beliau termasuk ulama besar di Madura dan termasuk sesepuh Organisasi Islam “Nahdlatul Ulama” Indonesia, sebab beliau adalah guru kepada KH. Hasyim Asy’ari yang termasuk diantara pengasas sekaligus pimpinan “Nahdlatul Ulama” (NU) untuk kali pertama. Selain belajar agama di daerah Jawa Timur, beliau juga pernah belajar di Mekkah al-Mukarramah kepada mashayeikh-mashayeikh yang ada pada masa itu dan termasuk orang alim yang di waktu itu adalah al-Imam Nawawi al-Bantani al-Indunisi. Sila rujuk: Mokh. Syaiful Bakhri, “Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura”. (Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006), 21-46.

daerah Banyuanyar Desa Poto'an Daya. KH. Abdul Hamid adalah salah seorang ulama yang mewarisi kepimpinan pondok pesantren Banyuanyar yang diasaskan pada tahun 1788 M.⁷ Bukan hanya mendidik dan mengajar para santri (pelajar pondok)⁸ tapi beliau juga berjaya menulis karyanya yang sekarang dikumpulkan menjadi sebuah kitab yang disebut dengan *Tarjuman*.

Kitab *Tarjuman* merupakan kitab asas agama Islam yang mengandungi pengajaran tauhid, fiqh dan yang lainnya. Selain masyarakat awam, kitab ini banyak digunakan dan diamalkan di kalangan santri pondok pesantren Banyuanyar dan juga di pondok-pondok pesantren yang masih ada ikatan keturunan zuriyat Kiai Ithbat serta keluarga besarnya. Daripada banyak perkara yang diterangkan dalam kitab *Tarjuman*, pengkaji berkeinginan sekali untuk membincangkan hukum solat *Laylat al-Qadr* dikeranakan solat ini masih menjadi amalan masyarakat setiap tahun pada 10 akhir bulan Ramadan. Objektif kajian ini adalah mengupas secara mendalam sirah kehidupan KH. Abdul Hamid dan metodologi penulisan kitab *Tarjuman* serta menganalisis hukum solat *Laylat al-Qadr* dalam kitab *Tarjuman*. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data daripada data sekunder yang bersumberkan daripada dokumen-dokumen bertulis dan data primer dengan mengadakan temu bual dengan responden yang terpilih.

Beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap kitab *Tarjuman* yang berbentuk tulisan sepihama berikut:

Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab *Tarjuman* Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid oleh Abdullah. Kajian ini merupakan kajian *library research*. Tetapi kajian ini tidak menyentuh sama sekali tentang isu pengeluaran hukum dalam kitab *Tarjuman*. Hasil kajiannya adalah seperti berikut: (1) Pentingnya menghormati al-Quran sebagai kitab suci Allah swt sama ada yang berbentuk teks atau pun mushaf. (2) Pentingnya menghormati ulama, hafiz al-Quran dan guru. (3) Ikhlas dalam membaca al-Quran dan menghayatinya.⁹

Sebuah jurnal yang bertajuk: Konsep Pendidikan *Téngkâ* (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab *Tarjuman*) oleh Zainuddin Syarif yang dikeluarkan oleh Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Madura. Jurnal ini membincangkan tentang *téngkâ* (moral) yang banyak dijelaskan oleh KH. Abdul Hamid dalam kitab *Tarjuman*. *Téngkâ* adalah bahasa Madura yang bermakna adab atau pun akhlak. Hasil kajian tersebut menyimpulkan bahawa adab adalah konsep dasar daripada pendidikan setiap santri (murid) sama ada di dalam pondok pesantren atau pun di luar pondok. Dan adab wajib didahulukan daripada ilmu pengetahuan. Oleh itu, KH. Abdul Hamid lebih mementingkan akhlak daripada

⁵ Di Indonesia, kumpulan daripada beberapa kecamatan disebut dengan kabupaten atau kota. Manakala kecamatan adalah kumpulan daripada beberapa kelurahan (kampong atau desa). Provinsi merupakan kumpulan daripada kabupaten (dan kota). *Kamus Bahasa Indonesia*. (Jakarta: Pusat Bahasa, 2008), 610, entri "kabupaten". *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 649, entri "kabupaten".

⁶ Maksud daripada KH adalah Kiai Haji yang merupakan sebutan Tok Guru agama di Indonesia.

⁷ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks" (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2016), 23.

⁸ *Kamus Bahasa Indonesia*. 1363, entri "santri"

⁹ Abdullah, "Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab Tarjuman Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat Dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid", (Skripsi, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta 2016), xiii.

pengembangan intelektual setiap pelajar. Beberapa anasir penting dalam pendidikan *téngkâ* yang dikemukakan oleh K.H Abdul Hamid dalam kitab *Tarjuman*.¹⁰

Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab *Tarjuman* adalah sebuah jurnal yang dijalankan bagi mengenalpasti *Tarjuman* dan peranan KH. Abdul Hamid dalam kearifan tempatan yang beliau tuangkan dalam kitab *Tarjuman*. Untuk mencapai tujuan tersebut, digunakan metode kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kajian ini mendapatkan adanya sumbangan pemikiran hukum beliau terhadap hukum karapan sapi (pacuan lembu). Sehingga menjadi solusi terhadap permasalahan masyarakat terutamanya di kabupaten Pamekasan Madura.¹¹

Daripada beberapa kajian lepas di atas, pengkaji tidak mendapatkan satu pun kajian tentang solat *Laylat al-Qadr* yang melibatkan kitab *Tarjuman* karya KH. Abdul Hamid. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk memperbahaskannya dalam kajian ini sehingga dapat mengenal pasti pandangan KH. Abdul Hamid dan membandingkannya dengan pandangan ulama lainnya.

DAPATAN KAJIAN

1. KH. Abdul Hamid

1.1 Sejarah Hidup dan Keturunan



Gambar 1.0

Sekitar tahun 1810 M., KH. Abdul Hamid kecil dilahirkan di Banyuanyar. Seorang anak lelaki kepada Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq. Kiai Ithbat adalah pengasas pondok pesantren Banyuanyar dengan tujuan untuk mewujudkan cita-cita ayahnya iaitu Kiai Ishaq. Pondok pesantren Banyuanyar bermula sekitar tahun 1788 M. dan berusia sekitar 227 tahun sehingga kini.

Dengan berjalannya waktu, Kiai Ithbat berjaya mengajar anaknya (KH. Abdul Hamid) sehingga berlanjut belajar ke kota Mekah. Antara gurunya adalah Shaykh Nawawi al-Bantani.¹² Pada tahun 1868 M., Kiai Ithbat wafat dan seterusnya kepimpinan pondok pesantren diganti oleh KH. Abdul Hamid. Pada tahun 1933 M., KH. Abdul Hamid

¹⁰ Zainuddin Syarif, *Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)*, Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura) (2018), 170-171.

¹¹ Imamuddin & Abdul Karim bin Ali, *Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab Tarjuman*. Al-Basirah (2022), 49.

¹² Zainuddin Syarif, *Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)*, 154.

meninggal dunia di Mekah¹³ ketika menunaikan ibadah haji¹⁴ dan dikuburkan di bahagian barat perkuburan al-Ma'la.¹⁵

Nasab keluarga KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq ini masih ada hubungannya dengan Sunan Giri¹⁶ yang berada di Gresik Jawa Timur. Sebab, Kiai Ishaq adalah anak lelaki kepada Kiai Hasan, manakala Kiai Hasan adalah anak lelaki kepada Kiai Abdurrahman¹⁷ dan seterusnya Kiai Abdurrahman adalah menantu kepada Sunan Giri Gresik Jawa Timur.¹⁸ Manakala Sunan Giri adalah salah seorang daripada Sembilan Sunan atau masyhur dengan sebutan *Wali Songo*. Oleh itu, bilamana dilihat daripada sisi nasab keturunan KH. Abdul Hamid, sememangnya beliau mempunyai nasab yang tinggi dan luhur. Beliau masih keturunan seorang pejuang agama Islam di pulau Jawa pada masa awal datangnya Islam ke Jawa. Tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa memang telah mengalir di dalam diri beliau darah seorang alim besar iaitu Sunan Giri.

KH. Abdul Hamid terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, antaranya beliau sering menangis jika mendapatkan kesilapan dalam perkara agama, walaupun kesilapan tersebut sangat kecil dan tidak sampai berimpak kepada dosa. Pernah sekali beliau tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memulakan kaki kiri ketika hendak memasuki masjid. Beliau dengan segera mundur ke belakang, kemudian menangis kerana merasa tidak beradab memasuki rumah Allah (masjid). Pernah juga beliau menangis ketika memotong daun yang masih ada di dahannya kerana telah menyakiti makhluk hidup. Padahal syari'ah tidak memberikan hukuman terhadap perbuatan tersebut. Pernah juga beliau dijumpai menangis ketika melihat orang merokok. Beliau tidak melarang langsung orang yang merokok tadi, tapi beliau berkata kepada si perokok bahawa sebaiknya membaca istighfar daripada merokok, kerana hal itu lebih afdal baginya. Beliau juga berpesan kepada si perokok: "Bagaimana kalau api rokok itu mengenai kain pelikat (sarung) kemudian berlubang, maka solatnya tidak sah sebab auratnya tidak tertutup?". Lalu si perokok menjadi malu dan berhenti dengan membuang rokoknya.¹⁹ Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tegas ketika melihat suatu kesalahan, walaupun kesalahan itu kelihatan kecil. Namun, penuh dengan hikmah ketika beliau menegur seseorang. Selari dengan apa yang

¹³ Zainudin Syarif, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, (Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007), 29.

¹⁴ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", 33.

¹⁵ Muhammad Ali Hisyam, "Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu", *Majalah Dinamika*, Ed. 1, Julai 2003, 84.

¹⁶ Sunan Giri mempunyai dua nama lain iaitu Ainul Yaqin dan Raden Paku. Beliau adalah kepada Maulana Ishak, iaitu sahabat dekatnya Raden Rahmat atau Sunan Ampel Atau Ngampel. Sunan Ampel adalah ayah kepada Makhdum Ibrahim atau Sunan Bonang. Sunan Giri dan Sunan Bonang pernah belajar Ilmu Islam Di Negeri Melaka selama tiga tahun kepada seorang Shaykh daripada Iran. Kemudian keduanya kembali ke Jawa. Makhdum Ibrahim memperjuangkan agama Islam di Bonang dekat Tuban (salah satu Kabupaten di Jawa Timur), daripada itu beliau disebut Sunan Bonang. Sedangkan Ainul Yaqin Atau Raden Paku berjuang di Giri-Gresik (yang mana ianya juga adalah nama salah satu Kabupaten di Jawa Timur), oleh itu beliau disebut Sunan Giri. Murid-murid beliau banyak yang datang daripada pulau Madura. HAMKA, *Sejarah Umat Islam*, 747-748.

Seterusnya mengenai salasilah bersambungnya nasab KH. Abdul Hamid dengan Sunan Giri, boleh rujuk: "Bany Itsbat Bani Itsbat" (2020), dicapai 3 Jun 2022, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-isbat/>

¹⁷ Zainudin Syarif, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, 26.

¹⁸ "Pesantren Banyuanyar Sesepuh Para Kyai" (2016), dicapai 30 Jun 2022. <http://wiyonggoputih.blogspot.com/2016/08/pesantren-banyuanyar-sesepuh-para-kyai.html>

¹⁹ KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir Pondok Pesantren Darul UlumBanyuanyar semenjak tahun 1980-sekarang), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.

diperintahkan Allah dan Rasul-Nya.²⁰ Sememangnya beliau menyarankan supaya seseorang jangan selalu merokok kerana merokok tidak membuat orang lapar menjadi kenyang, tidak menghilangkan dahaga, membazir harta tanpa faedah yang sepatutnya, ini kerana merokok dapat melalaikan seseorang daripada berzikir mengingat Allah. Bahkan beliau mengatakan bahawa merokok ini adalah bid'ah.²¹

Selain daripada itu beliau juga terkenal dengan istiqamahnya dalam solat berjemaah. Pernah beliau terkena penyakit lumpuh separuh badannya. Tapi, beliau tetap mengimamkan anak-anak muridnya. Beliau juga sering berpuasa sunat meskipun tidak diketahui secara pasti berapa lama beliau berpuasa. Ada yang mengatakan bahawa beliau berpuasa selama 15 tahun. Beliau membahagikan puasanya ini pada tiga doa dan harapan. Tahun pertama puasa beliau bertujuan untuk mendoakan ahli keluarga serta keturunannya. Kemudian tahun kedua beliau berpuasa untuk mendoakan anak-anak muridnya. Pada tahun ketiga beliau berpuasa untuk mendoakan semua jiran yang bermukim di persekitaran pondok pesantren. Ada pula yang mengatakan beliau berpuasa selama 20 tahun, ada juga yang mengatakan sampai 25 tahun.²²

Isteri beliau merupakan orang yang sangat taat dan salehah. Mereka berdua berjanji tidak mahu kumpul tidur berhubungan suami-istri, kecuali setelah dapat mengkhatamkan al-Quran. Beliau dengan isterinya terkenal dengan kezuhudannya. Pernah suatu ketika isterinya menjumpai sesuatu yang pelik ketika membasuh beras²³ untuk dimasak. Serta merta sang isteri terkejut, kerana tak disangka beras tersebut berubah menjadi emas. Seketika itu dia mendatangi beliau seraya menangis dan bertanya: “Adakah kamu berdoa tidak ikhlas kepada Allah?”. Sebab yang diminta dan dipohon kepada Allah bukan banyak harta, tapi memohon kekuatan dalam agama (bermakna, berdoa untuk akhirat bukan untuk dunia). Disangkanya KH. Abdul Hamid berdoa atau beribadah untuk mencari habuan dunia sahaja. Dengan sikap suami yang bijaksana, beliau menyuruh isterinya kembali ke tempat semula di mana dia membasuh beras. Ternyata emas tadi berubah menjadi beras semula. Itulah antara sifat-sifat terpuji beliau yang pengkaji dapatkan dari beberapa sumber.²⁴

1.2 Huraian Am Kitab *Tarjuman*

1.2.1 Latar Belakang Pengkajian Kitab *Tarjuman*



Gambar 2.0

²⁰ ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ، artinya : “Serulah (mereka) ke jalan TuhanMu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik”. QS. al-Nahl: 125.

²¹ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid (1980), *Tarjuman*, Dar al-Saqqaq, 80.

²² Ust. Muzammil Imron, MA. (Beliau adalah antara alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul UlumBata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.

²³ Sebahagian sumber mengatakan beras itu bukan padi, tapi jagung yang sudah dihancurkan (dihaluskan) menjadi kecil-kecil. Sumber ini diambil daripada sumber lain iaitu Kiai Muhri. Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni Pondok Pesantren Mambaul UlumBata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

²⁴ Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

Pada mulanya kitab ini berbentuk tulisan-tulisan kertas atau boleh disebut dengan risalah-risalah kecil, kemudian dikumpulkan dan dijadikan satu kitab yang dinamakan kitab *Tarjuman*. Sekitar tahun 1974 M.,²⁵ selesailah penulisan ulang kitab *Tarjuman* pada masa kepimpinan KH. Abdul Hamid Baqir bin KH. Abdul Majid cucu kepada KH. Abdul Hamid. Hal ini dibuat dikeranakan banyak permintaan daripada santri sama ada yang masih belajar atau yang sudah lulus daripada pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar²⁶ serta masyarakat supaya karya KH. Abdul Hamid mudah untuk dipelajari dan menjadi khazanah keilmuan yang terjaga.

Adapun proses penulisan kitab *Tarjuman* bermula dengan pengumpulan risalah-risalah kecil yang tersebar di tempat yang berbeza-beza sehingga memerlukan waktu satu bulan. KH. Ahmad Faqih daripada desa Toronan Kowel Pamekasan juga membantu pengumpulan risalah-risalah tersebut sekaligus menulis ulang untuk dijadikan satu kitab. Kemudian Hj. Nawawi bin Hj. Ahmad Nur daripada Karang Sokon Sumenep membiayai percetakan kitab *Tarjuman*.²⁷

Kitab ini ditulis khas sebagai asas agama bagi kalangan awam. Mungkin daripada segi isi, kitab *Tarjuman* bukanlah kitab yang sangat istimewa. Kandungannya hanya sesuatu yang biasa. Namun, ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap perubahan keislaman orang Madura pada masa itu terkhusus masyarakat Pamekasan Madura dan sekitarnya.²⁸ Dengan adanya kitab *Tarjuman* yang berbahasa Madura, banyak memahamkan masyarakat awam yang susah belajar agama dengan menggunakan kitab yang berbahasa Arab.

1.2.2 Metode Penulisan Kitab *Tarjuman*

Para ilmuwan belum bersepakat mengenai awal kemunculan penulisan huruf Arab pegon (tulisan Jawi).²⁹ Ada yang mengatakan di persekitaran tahun 1200 M./1300 M. bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara yang merubah kepercayaan Animisme, Hindu, dan Budha. Ada juga yang mengatakan pada tahun 1400 M. oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel Surabaya. Ada pula yang berpendapat bahawa pemilik tulisan pegon adalah Syarif Hidayullah atau Sunan Gunung Jati Cirebon Jawa Barat. Tulisan huruf pegon mempunyai pengaruh besar terhadap dunia pendidikan di kebanyakan pondok pesantren di Jawa³⁰ dan Madura sehingga kitab *Tarjuman* juga ditulis dengan menggunakan huruf pegon.

Meskipun penulisan kitab *Tarjuman* ditulis dengan huruf Jawi, namun ianya mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza dengan kitab lainnya. Antaranya tulisan Jawi di kitab ini dilengkapi dengan barisnya (*harkat*), sehingga mudah untuk dibaca semua orang terutamanya orang awam. Kitab ini ditulis tanpa menggunakan pasal (*faslun*) atau pemisah antara permasalahan-permasalahan yang dibahas. Maka orang yang membacanya akan mengalami kesulitan untuk mencari permasalahan yang dinginkan. Penulisan kitab ini

²⁵ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid (1980), *Tarjuman*, 126.

²⁶ *Ibid*, 3.

²⁷ *Ibid*, 2-3.

²⁸ Temubual dengan (Allah yarham) KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat) di Pondok Pesantren Manba’ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.

²⁹ *Kamus Dewan*, 1160, entri “pegon”.

³⁰ -, “Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX”, dicapai 18 May 2022, http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf

tidak menggunakan tanda-tanda penulisan secara tepat seperti titik atau koma. Oleh itu, pembacanya harus pandai dan teliti.


Kitab ini ditulis tanpa ada dalil atau rujukan kecuali ada sebahagian kecil perbahasan yang memiliki rujukan seperti perbincangan tentang rajah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar, yang dikatakan ada dalam kitab *al-Jawahir*.

Dalam permasalahan tauhid, kitab *Tarjuman* mengikut aqidah Imam Asy'ari. Hal itu nampak jelas ketika beliau mengatakan bahawa ada lima puluh *aqa'id* yang wajib kita ketahui iaitu *wujud, qidam, baqa'* dan seterusnya. Dalam bidang fiqh, *Tarjuman* mengikut mazhab Imam Syafi'i. Seterusnya dalam bidang tajwid, *Tarjuman* mengikut riwayat Imam Hafs daripada Imam 'Asim.³¹

PERBINCANGAN

2. Solat sunat *Laylat al-Qadr*

2.1 Teks *Tarjuman* dan Terjemahan



Terjemahan: Sesiapa sahaja yang solat di malam *Laylat al-Qadr* empat rakaat, kemudian yang dibaca selepas surah al-Fatihah itu surah al-Takathur dan surah al-Ikhlas sebanyak 3 kali, maka orang itu akan diringankan ketika sakaratul maut. Sebaik-baiknya solat sunat ini dikerjakan bermula daripada malam tarikh 21 Ramadan agar tidak tertinggal malam *Laylat al-Qadr* dengan pertolongan Allah Ta'ala. Niat solatnya adalah: Sahaja aku solat sunat kerana menginginkan keutamaan *Laylat al-Qadr* dua rakaat kerana Allah Ta'ala....Allahu Akbar.

³¹ Imamuddin, Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks, 41-42.

2.1.1 Definisi *Laylat al-Qadr*

Kalimat *Laylat al-Qadr*³² adalah kalimat yang sudah masyhur dalam kalangan kaum muslimin. Ia adalah malam mulia yang Allah rahasiakan pada hari-hari 10 terakhir bulan Ramadan. Sesiapa sahaja yang dapat berjumpa dengannya dalam keadaan beribadah maka dia akan mendapatkan kebaikan yang lebih baik daripada beribadah 1000 bulan lamanya.³³ Hanya sahaja dalam perbahasan ini, pengkaji tidak akan membincangkan secara luas tentang apa itu *Laylat al-Qadr*. Pengkaji lebih fokus kepada perbincangan hukum solat *Laylat al-Qadr* yang diharapkan fadilatnya oleh setiap muslim.

2.1.2 Sumber/Autoriti Solat *Laylat al-Qadr*

Melalui sorotan kepada beberapa sumber rujukan, pengkaji menjumpai sebuah kenyataan dalam *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais* iaitu:

وَ احْتَلَفُوا فِي تَعْبِينَهَا ، فَالْأَكْثَرُونَ عَلَى أَنَّهَا فِي السَّابِعِ وَ الْعِشْرِينَ مِنْ رَمَضَانَ ، وَ مَنْ صَلَّى فِي هَذِهِ اللَّيْلَةِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ يَقُولُ إِنَّمَا الْفَاتِحَةُ وَ التَّكَاثُرُ مَرَّةٌ وَ فُلُنُّ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ، هَوَنَ اللَّهُ سَكَرَاتُ الْمَوْتِ وَ رَعَى عَنْهُ عَذَابَ الْقَبِيرِ وَ أَعْطَاهُ اللَّهُ عَوَامِيدَ مِنْ نُورٍ عَلَى كُلِّ عَمُودٍ قَصْرٌ .

Terjemahan: Dan para ulama berselisih pendapat tentang waktu turunnya *Laylat al-Qadr*. Kebanyakan ulama mengatakan bahawasanya *Laylat al-Qadr* terjadi pada 27 Ramadan. Oleh itu, sesiapa sahaja yang solat sunat pada malam 27 ini sebanyak 4 rakaat dengan membaca surah al-Fatihah kemudian membaca surah al-Takathur sekali dan surah al-Ikhlas 3 kali,³⁴ maka Allah SWT akan memudahkannya ketika mana sakaratul maut, Allah akan menghilangkan azab kuburnya, dan Allah akan memberikan beberapa tiang daripada cahaya, pada setiap tiang itu pula ada istananya.³⁵

³² Ibn al-Jawzi berkata bahawasanya ada lima pandangan ulama tentang apa yang dinamakan *Laylat al-Qadr*, iaitu: 1) *Laylat al-'Azamah*, maknanya adalah malam keagungan. Pandangan ini adalah pandangan al-Zuhri. 2) *Laylat al-Diq*, maknanya adalah malam sempit. Maksudnya iailah bumi menjadi sempit pada malam itu sebab para malaikat turun ke bumi. Pandangan kedua ini adalah pandangan al-Khalil Ibn Ahmad. 3) *Laylat al-Hakam*, maknanya malam putusan atau penentuan sepertinya pada malam itu adalah penentuan segala sesuatu atau perkara sebagaimana diungkapkan oleh Ibn Qutaibah. 4) Malam itu adalah malam kemulyaan bagi orang yang belum mendapatkan kemulyaan. Maka, dikeranakan dia mengra'ikan malam itu dia mendapatkan kemulyaan tersebut. Pandangan ini disampaikan oleh Abu Bakr al-Waraq. 5) Malam itu adalah malam yang mana pada malam itu turun kitab yang mulya, turun rahmat yang mulya dan turun para malaikat yang mulya seperimana dikatakan oleh al-Shaykh 'Ali Ibn 'Ubaidillah. Sila rujuk: al-Qism al-'Ilmi bi Madar al-Watan, *Laylat al-Qadr Khayr min Alf Shahr*, (t.t.p.: Dar al-Watan li al-Nashr, t.t.), 5-6.

³³ Surah al-Qadr ayat ke 3.

³⁴ Abd. Rahman Mukhlis, *170 Solat-solat Sunat*, (Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise (penerbit)/Percetakan Zafar Sdn. Berhad, 2002), 129. Abu Muhammad Nur Saiful Rahman, *Himpunan 75 Solat-solat Sunat*, (Bandar Tun Razak-Malaysia: Asian Printing Works, 1996), 91-92. Abul Khairy al-Latifi, *Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa*, (Kuala Lumpur: Darul Nu'man (penerbit)/Munshni Print (cetakan), 1993), 176-178.

³⁵ al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri Al-Shafi'i, *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*, (t.t.p., t.p., t.t.), 170.

Walaupun dalam riwayat ini tidak disebut secara jelas nama solat sunat *Laylat al-Qadr*. Tapi dalam riwayat ini memiliki kesamaan dengan apa yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* tentang solat *Laylat al-Qadr*. Oleh itu, riwayat ini berkemungkinan menjadi salah satu dalil kepada solat *Laylat al-Qadr* yang ditulis dalam kitab *Tarjuman*. Seterusnya ada sedikit perbezaan mengenai keterangan fadilat solat *Laylat al-Qadr* dalam kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais* yang menyebutkan bahawa Allah akan menghilangkan azab kubur bagi orang yang mengamalkan solat ini dan Allah akan memberi beberapa tiang daripada cahaya dan pada setiap tiang ada istananya. Manakala dalam kitab *Tarjuman*, orang tersebut hanya akan dimudahkan pada saat sakaratul maut sahaja.

Begitu juga dijelaskan dalam Kitab *Khazinat al-Asrar*, salah satu solat-solat sunat yang mempunyai asbab-asbab tertentu, iaitu solat yang kelima adalah solat *Laylat al-Qadr* yang mana ia juga dijelaskan dalam kitab *Durrat al-Nasihin fi al-Wa'z wa al-Irshad*³⁶ sepetimana berikut:

الْخَامِسَةُ صَلَاةُ لَيْلَةِ الْقَدْرِ، عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : مَنْ صَلَّى فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ رَكْعَيْنِ يَفْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ بِقَاتِحَةِ الْكِتَابِ مَرَّةً وَالْإِحْلَاصِ سَعْيَ مَرَّاتٍ ، فَإِذَا سَلَّمَ يَقُولُ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَا يَقُولُ مِنْ مَقَامِهِ حَتَّى يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُ وَلَا يَبْوَهُ وَيَبْعَثُ اللَّهُ مَلَائِكَةً إِلَى الْجِنَانِ يَغْرُسُونَ لَهُ الْأَشْجَارَ وَيَبْنُونَ لَهُ الْفُصُورَ وَيُجِيئُونَ الْأَهْمَارَ وَلَا يَخْرُجُ مِنَ الدُّنْيَا حَتَّى يَرَى ذَلِكَ كُلَّهُ كَدَا فِي الْإِحْيَا . وَقَالَ الْإِمَامُ أَبُو الْلَّيْثِ رَحْمَةُ اللَّهُ تَعَالَى : أَقْلِ صَلَاةً لَيْلَةَ الْقَدْرِ رَكْعَاتٍ وَأَكْثُرْهَا أَلْفَ رَكْعَةٍ وَأَوْسِطُهَا مِائَةً رَكْعَةً وَأَوْسَطُ الْقِرَاءَةِ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ أَنْ يَفْرَأُ بَعْدَ الْفَاتِحةِ إِنَّا أَنْزَلْنَاكَ مَرَّةً وَقُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ وَيُسَمِّيْنِ فِي كُلِّ رَكْعَيْنِ وَيُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ التَّسْلِيمِ وَيَقُولُ حَتَّى يُمَمِّمَا أَرَادَهُ مِنْ مِائَةٍ أَوْ أَكْثَرَ وَيَكْفِي فَضْلُ صَلَاتِهِ مَا بَيْنَ اللَّهِ مِنْ جَلَالَةٍ قَدْرِهَا وَمَا أَحْبَرَ بِهِ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فَضْلِهِ قِيَامِهِ ، انتهى .

Terjemahan: Solat yang kelima daripada solat-solat sunat yang mempunyai sebab-sebab tertentu iaitu solat *Laylat al-Qadr*. Daripada Ibn 'Abbas ra bahwasanya nabi Muhammad saw bersabda: Sesiapa sahaja bersolat pada malam *Laylat al-Qadr* sebanyak dua rakaat, selepas membaca al-Fatiyah dibaca surah al-Ikhlas sebanyak 7 kali, kemudian selepas solat dia beristighfar pula sebanyak 70 kali, maka selama tidak berdiri (pindah) daripada tempat duduknya Allah SWT akan mengampuninya dan kedua ibu bapaknya dan Allah akan mengutus malaikat ke dalam syurga untuk menanam pokok-pokok untuknya dan membina istana-istana dan mengalirkan sungai-sungai, dan dia tidak akan keluar daripada dunia (mati) kecuali melihat (balasan) itu semua. Begitulah sepetimana disebut dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Al-Imam Abu al-Layth rahmat Allah 'Alayh berkata: Paling sedikit bilangan rakaat yang dikerjakan solat *Laylat al-Qadr* itu adalah sebanyak dua rakaat sahaja, paling banyak dikerjakan 1000 rakaat dan pertengahannya 100 rakaat. Pertengahan

³⁶ 'Uthman Ibn Hasan Ibn Ahmad al-Shakir al-Khaubawiyy, *Durrat al-Nasihin fi al-Wa'z wa al-Irshad*, (t.p.: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), 285-286.

Kitab ini banyak dipelajari di pondok-pondok pesantren di Indonesia. Pengarang kitab ini wafat pada 1824 M. Sila rujuk: "Biografi Pengarang Kitab durrotun Nasihin" (2017), dicapai 10 Oktober 2022, <https://www.spiritmuslim.co.id/2017/08/biografi-pengarang-kitab-durratun-nasihin.html>

(ukuran yang sedang-sedang) dalam pembacaan surahnya selepas al-Fatihah adalah surah al-Qadr dan surah al-Ikhlas 3 kali. Setelah selesai dua rakaat, maka diucapkan salam dan berselawat ke atas nabi Muhammad saw. Kemudian bangun untuk menyempurnakan bilangan rakaat yang seterusnya, samada dia mahu melakukannya 100 rakaat atau pun lebih. Masalah berapa besar pahala dan fadilat solat ini, cukup hanya berserah kepada Allah dan apa yang diberitahu Rasulullah saw (tidak diragukan lagi, jangan khawatir, in sya Allah akan dibalas sesuai dengan janjiNya).³⁷

Meskipun riwayat ini menyatakan secara jelas sebagai dalil solat *Laylat al-Qadr*, tapi kaifiyat dan fadilat-fadilatnya berbeza dengan apa yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* dan *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*. Seterusnya pengkaji mengalami sedikit kesulitan dengan kenyataan kitab *Khazinat al-Asrar* yang menjelaskan bahawa solat *Laylat al-Qadr* ada dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kerana ketika cuba untuk merujuk kepada kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, tidak dapat menjumpai riwayat tersebut.

Kitab *Perukunan Sembahyang Besar* karya Hj. Abd. al-Rasyid Banjar,³⁸ yang ditulis dengan tulisan Jawi, setengah karangannya juga menjelaskan tentang solat *Laylat al-Qadr* yang sama dengan kitab *Tarjuman*. Berikut adalah niat solat yang ditulis dalam kitab *Perukunan Sembahyang Besar* tersebut:

أُصَلِّي سُنَّة لَيْلَة الْقُدْرِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى اللَّهُ أَكْبَرُ

Terjemahan: Saya solat sunat *Laylat al-Qadr* empat rakaat kerana Allah Ta'ala, Allahu Akbar.³⁹

Selanjutnya fadilat yang dinyatakan dalam kitab ini adalah sama dengan apa yang ada dalam riwayat yang ditulis dalam kitab *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*.

2.1.3 Analisis Perbezaan Riwayat tentang Solat *Laylat al-Qadr*

Beberapa dalil tentang solat *Laylat al-Qadr* yang sudah disebutkan dalam autoriti/sumber perbezaan dengan kitab *Tarjuman*, antaranya:

³⁷ Al-Sayyid Muhammad Haqqi al-Nazili, *Khazinat al-Asrar*, (Beirut-Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1414 H./1993 M.), 45.

³⁸ Di antara kitab Melayu/Arab yang paling popular dan banyak diajarkan orang ialah *Kitab Perukunan Sembahyang Besar*, tanpa dinyatakan tarikh. Kandungan kitab tersebut merupakan pengetahuan fardhu ain yang paling lengkap.

Selain itu, dilengkapi juga dengan berbagai-bagai amalan yang menjadikan khabar gembira untuk dunia dan akhirat. Terdapat juga tentang khutbah Jumaat dan khutbah nikah.

Tercatat pada semua edisi cetakan, “diambil daripada karangan Shaykh Muhammad Arsyad Banjar.” Selain dalam Bahasa Melayu, kitab ini juga terdapat terjemahan dalam bahasa Bugis, Sunda dan Jawa. Dicetak oleh Mathba‘ah al-Aminiyah, nombor 12 dan 14, Baghdad Street, Singapura, bertarikh 23 Zulhijjah 1352 H/ 9 Mac 1935 M, dicetak dengan huruf litograf.

Terdapat berbagai-bagai edisi cetakan dan masih dicetak serta banyak diajarkan di seluruh dunia Melayu hingga kini. Walaupun karyanya sangat terkenal, namun riwayat hidup penyusunnya masih gagal dikesan. Sila rujuk: “Mengenali pelbagai karya ulama Borneo” (2012), dicapai 10 Oktober 2022, <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/07/18/mengenali-pelbagai-karya-ulama-borneo/>

³⁹ Abd. al-Rasyid Banjar, *Kitab Perukunan Sembahyang Besar* (Diambil Daripada Setengah Karangan Shaykh Muhammad Arsyad Banjar), (Singapura: Singapura Jawi Press - No. 242 Lorong Engku Aman Keling-, 1937), 34.

1. Kitab *Nuzhat al-Majalis* menyebutkan fadilat yang lebih daripada kitab *Tarjuman* iaitu selain Allah SWT akan memudahkan sakaratul maut (sepertimana ditulis dalam kitab *Tarjuman*), Allah akan menghilangkan azab kubur dan akan memberi beberapa tiang daripada cahaya pada setiap tiang ada istananya.
2. Jumlah rakaat di dalam kitab *Tarjuman* sebanyak dua rakaat, manakala dalam kitab *Nuzhat al-Majalis* dan kitab *Perukunan Sembahyang Besar* sebanyak 4 rakaat dan seterusnya kitab *Khazinat al-Asrar* menyebutkan paling sedikit dua rakaat, pertengahan 100 rakaat dan paling banyak 1000 rakaat.

2.2 Pandangan Ulama

2.2.1 Golongan yang Menyokong

Beberapa ulama yang menyokong pengsyariatan solat *Laylat al-Qadr* adalah al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri al-Shafi'i,⁴⁰ Uthman Ibn Hasan Ibn Ahmad al-Shakir al-Khaubawiyyi,⁴¹ al-Sayyid Muhammad Haqqi al-Nazili,⁴² Hj. Abd. al-Rasyid Banjar,⁴³ dan kenyataan yang sama mengenai dibolehkannya solat sunat *Laylat al-Qadr* dapat dijumpai dalam tulisan buku karya Abd. Rahman Mukhlis,⁴⁴ Abu Muhammad Nur Saiful Rahman⁴⁵ dan Abul Khairy al-Latifi.⁴⁶

Dalam kitab *Mafatih al-Jinan*, ajaran Syiah juga ada amalan solat *Laylat al-Qadr* sebanyak 100 rakaat yang diamalkan pada malam ke 19 dan 23 Ramadan. Pada setiap rakaatnya membaca surat al-Ikhlas sebanyak 10 kali. Solat *Laylat al-Qadr* ini memiliki banyak keutamaan.⁴⁷

2.2.2 Golongan yang Menolak

Antara ulama yang menegah pelaksanaan solat ini adalah Ibn al-Hajj dari kalangan Hanafi dalam kitab *Hashiyat Ibn al-'Abidin*,⁴⁸ Majd al-Din Ibn Muhammad Ibn Ya'qub al-Firuzabadi al-Shirazi, Ibn Himmat al-Dimshaqi, Ibn Taymiyyah, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad 'Abd al-Salam Khidr al-Shuqayri al-Hawamidi⁴⁹ dan 'Abd Allah Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Ahmad al-Tawyajri.⁵⁰

⁴⁰ al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri al-Shafi'i, *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*, 170.

⁴¹ Uthman Ibn Hasan Ibn Ahmad al-Shakir al-Khaubawiyyi, *Durrat al-Nasihin fi al-Wa'zi wa al-Irshad*, 285-286.

⁴² Al-Sayyid Muhammad Haqqi al-Nazili, *Khazinat al-Asrar*, 45.

⁴³ Abd. al-Rasyid Banjar, *Kitab Perukunan Sembahyang Besar* (Diambil Daripada Setengah Karangan Shaykh Muhammad Arsyad Banjar), 34.

⁴⁴ Abd. Rahman Mukhlis, *170 Solat-solat Sunat*, 129.

⁴⁵ Abu Muhammad Nur Saiful Rahman, *Himpunan 75 Solat-solat Sunat*, 91-92.

⁴⁶ Abul Khairy al-Latifi, *Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa*, 176-178.

⁴⁷ Al-Shaykh 'Abbas al-Qummi, *Mafatih al-Jinan*, (Kuwait: Maktabah al-Faqih, 2004), 314 dan 321.

⁴⁸ Nama lengkap beliau adalah Muhammad Amin Ibn 'Umar Ibn 'Abd al-'Aziz 'Abidin al-Dimshaqi. Beliau adalah mufti di Negri Syam dan ketua kepada mazhab Hanafi pada zamanya. Lahir di Damaskus dan wafat di situ juga. Beliau lahir pada tahun 1198 H/1784 dan wafat pada tahun 1252 H/1836 M. Lihat: Khayr al-Din al-Zirikli, *al-Alam Qamus Tarajum li Ashhur al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustashriqin*, (Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, 2002), 6/42.

⁴⁹ Tarikh lahir beliau belum dapat dijumpai dan secara pastinya beliau wafat selepas tahun 1352 H. Kerana beliau mengatakan bahawa penulisan kitab *al-Sunan wa al-Mubtada'at al-Muta'alliqah bi al-Adhkar wa al-Salawat* itu diselesaikan pada hari Sabtu sebelum terbenamnya matahari tarikh 29 Zul Hijjah 1352 H. Dan pada saat yang sama beliau mengatakan saya sekarang ditimpah rasa penat, banyak penyakit dan kesedihan. Sila layari: [الشغري](#) (t.t.), dicapai 29 September 2022, <http://shamela.ws/index.php/author/1757>. Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad 'Abd al-Salam Khidr

Golongan ini mengatakan bahawa hukum mengerjakan solat ini sebanyak 100 rakaat sepertimana telah disebutkan di atas termasuk *bid'ah* dan keluar daripada ajaran Rasulullah saw. Sesungguhnya apabila seseorang ingin menghidupkan malam itu boleh dengan memperbanyak solat sunat tapi bukan dengan cara tertentu atau rakaat tertentu, cukup dengan solat sunat (yang sudah jelas diiktiraf oleh syariat seperti *Tahajjud*), kemudian boleh juga dengan membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Kemungkinannya apabila malam itu bertepatan dengan *Laylat al-Qadr* maka dia akan dapat fadilat malam mulia tersebut.⁵¹ Solat itu tidak memiliki riwayat yang menyokong kebenarannya. Dengan kata lain tiada ulama yang berpandangan bahawa solat ini sunat bahkan ianya adalah *bid'ah* yang dibenci sehingga wajib ditinggalkan dan ditegah.⁵² Sepertimana ungkapan ulama berikut ini dalam kitab *Sifr al-Sa'adah*:

وَبَابُ صَلَاةِ الرَّغَائِبِ، وَصَلَاةِ نِصْفِ شَعْبَانَ، وَصَلَاةِ الْإِيمَانِ، وَصَلَاةِ لَيْلَةِ الْمَعْرَاجِ
وَصَلَاةِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ، وَصَلَاةٌ كُلُّ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَرَمَضَانَ، هَذِهِ الْأَبْوَابُ لَمْ يَصِحُّ فِيهَا شَيْءٌ أَصْلًا.⁵³

Terjemahan: Dan bab solat *al-Raghaib*, solat Nisf Sya'ban , solat *Nisf Rejab*, solat *al-Iman*, solat *Laylat al-Mi'raj*, solat *Laylat al-Qadr*, solat setiap malam pada bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadan, kesemuanya solat-solat ini tidak memiliki dalil yang sah sama sekali.

Selari dengan pandangan ini adalah pandangan al-Shaykh Ibn Taymiyyah, bahkan ianya adalah solat yang dibuat-buat:

فصل في صلاة ليلة القدر الموضعية⁵⁴

al-Shuqayri al-Hawamidi, *al-Sunan wa al-Mubtada'at al-Muta'alliqah bi al-Adhkar wa al-Salawat*, (Kaherah: Dar Ibn Taymiyyah, t.t.), 387.

⁵⁰ Kitab ini adalah tesis untuk mendapatkan gelar Magister di Universiti al-Imam Muhammad Ibn Su'ud al-Islamiyyah bahagian Akidah dengan mendapatkan darjah *Mumtaz* atau Cemerlang pada tahun 1406 H. Sila rujuk: 'Abd Allah Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Ahmad al-Tawyajri, *al-Bida' al-Hawliyyah*, (Riyad: Dar al-Fadilat, 2000). Lihat di bahagian depan kitab ini.

⁵¹ مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفرَ مَا تَقَمَّ لَهُ مِنْ ذَنْبِهِ (أَخْرَجَهُ الْبَخَارِيُّ وَكَذَّا مُسْلِمٌ). Terjemahan: Sesiapa sahaja yang menghidupkan *Laylat al-Qadr* kerana iman dan ikhlas, maka dia akan diampuni dosa-dosanya yang telah lampau. (HR. Bukhari dan Muslim). Sila rujuk: Abu Tahir Muhammad Ibn Ya'qub al-Firuzabadi, *Risalat fi Bayan Ma lam Yathbut fihī Hadīthun min al-Abwāb* ed. Abu 'Abd al-Rahman Yahya 'Ali al-Hajuri, (Kaherah: Dar al-Kitab wa al-Sunnah, 2007), 27.

⁵² صلاة مائة ركعة ليلة القدر كل سنة بدعة⁵² (2003), dicapai 15 September 2022, <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/41945>

⁵³ Majd al-Din Ibn Muhammad Ibn Ya'qub al-Firuzabadi al-Shirazi, *Sifr al-Sa'adah fi Dhikr Hal Rasul Alah Sallah 'Alayh wa Sallam qabl Nuzul al-Wahy wa ila an Laqiya Rabbahu "Khatimat al-Kitab"*, (t.t.: Idarat al-Tiba'ah al-Muniriyyah, 1358 H.), 184. Ibn Himmat al-Dimshaqi, *al-Tankit wa al-Ifadah fi Takhrīj Ahādīth Khatimat Sifr al-Sa'adah "wa Bab Salat al-Raghaib wa Salat Nisf Sha'ban wa Salat Nisf Rejab wa Salat al-Iman wa Salat Laylat al-Mi'raj wa Salat Laylat al-Qadr wa Salat Kull Laylat min Rejab wa Sha'ban wa Ramadan"* ed. Ahmad al-Bazrah, (Dhimsaq: Dar al-Ma'mun li al-Turath, 1987), 96-97.

⁵⁴ Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad 'Abd al-Salam Khidr al-Shuqayri al-Hawamidi, *al-Sunan wa al-Mubtada'at al-Muta'alliqah bi al-Adhkar wa al-Salawat* "Salat al-Jumu'ah fi Jami' 'Amr Akhir Ramadan", 139. Ahmad Ibn Taymiyyah, *Majmu' Fataawa Ibn Taymiyyah*, (al-Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif, 2004), 23/122. Taqiyuddin Ibn Taymiyyah, *al-Fataawa al-Kubra* ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata dan Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1987), 2/256. 'Abd Allah Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Ahmad al-Tawyajri, *al-Bida' al-Hawliyyah* "Bid'at Salat al-Qadr", 329 dan 440.

وَقَالَ شِيخُ الْإِسْلَامِ ابْنُ تَيْمِيَّةَ حِينَما سُئِلَ عَنِ الصَّلَاةِ الْقُدْرَ إِنْ هَذِهِ الصَّلَاةُ لَمْ يَسْتَحْبِهَا أَحَدٌ مِّنْ أَهْمَّهُ الْمُسْلِمِينَ، بَلْ هِيَ بِدُعَةٍ مَكْرُوَّهَةٍ⁵⁵ – إِلَى أَنْ قَالَ وَالَّذِي يَنْبَغِي أَنْ تَرْكَ وَيَنْهَا أَهْ.

Terjemahan: Satu fasal di dalam menerangkan solat *Laylat al-Qadr* yang dibuat-buat.

Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah menjawab ketika mana ditanya tentang hukum solat *Laylat al-Qadr*: sesungguhnya tidak satu pun daripada ulama yang menyukai solat itu bahkan ianya adalah *bid'ah* yang dibenci yang sepatutnya ditinggalkan dan ditegah (untuk mengerjakannya).

Di dalam mazhab Hanafi dijelaskan dalam kitab *Hashiyat Ibn al-'Abidin* bahwasanya solat *Raghaib* iaitu solat sunat malam Jumaat awal pada bulan Rejab, solat *Bara'ah* iaitu pada malam pertengahan bulan Sya'ban dan solat sunat *al-Qadr* (solat *Laylat al-Qadr*) iaitu pada malam 27 Ramadan dihukumi solat yang mungkar atau ditolak sepertimana yang telah dikatakan oleh Ibn al-Hajj.⁵⁶ Bahkan keterangan yang lebih dalam di dalam kitab fiqh mazhab Hanafi dijelaskan bahawa bukan hanya dihukumi makruh sahaja bermaknum kepada orang yang solat *Laylat al-Qadr*, tapi ianya adalah tidak boleh langsung sebab solat itu berdalilkan kepada dalil hadith *mawdu'*.⁵⁷

2.2.3 *Munaqashah*⁵⁸

Dalam perbincangan ini, pengkaji akan melakukan perbandingan antara dua golongan sama ada menyokong pengamalan solat *Laylat al-Qadr* dengan yang menolaknya sepertimana berikut:

1. Hadith yang dijadikan dasar pengamalan solat *Laylat al-Qadr* mengandungi masalah sehingga diragui untuk dijadikan sebagai dalil. Apatah lagi golongan yang menolaknya mengatakan bahawa riwayat tersebut adalah palsu.
2. Pada kenyataannya, golongan Syiah juga menjadi pengamal solat *Laylat al-Qadr*. Manakala Syiah termasuk golongan atau aliran sesat yang diharamkan di Malaysia mengikut fatwa JAKIM⁵⁹ begitu juga MUI⁶⁰ (Majlis Ulama Indonesia) bahkan seluruh

⁵⁵ Bagi Imam Shatibi *Bid'ah Makruhah* atau pun *Bid'ah Muhammamah* pada hakekatnya semuanya adalah *bid'ah* (yang wajib ditinggalkan) kerana semuanya termasuk dalam kategori maksiat kepada Allah. Lihat: Ibrahim Ibn Musa Muhammad al-Lakhmi al-Shatibi, *al-I'tisam "Ahadith al-Targhib wa Nahwihi"* ed. Abu 'Ubaidah Mashhur Ibn Hasan Ali Salman, (t.t.p.: Maktabat al-Tawhid, t.t.), 1/322.

⁵⁶ Inilah ungkapan Ibn al-Hajj dalam kitab *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Hashiyat Ibn 'Abidin*: فَلَمْ يَأْتِ الْأَخْرَاجُ فِي الْمَذْكُولِ: وَقَدْ خَتَّثَ بَعْدَ أَرْبَعِمَائَةٍ وَثَمَانِينَ مِنْ الْهِجْرَةِ، وَقَدْ صَنَفَ الْعَلَمَاءُ كُلُّهُمْ فِي إِنْكَارِهَا وَنَهْيِهَا وَتَسْفِيهِهَا، وَلَا يُعْتَرِضُ بِكُثْرَةِ الْفَاعِلِينَ لَهَا فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْصَارِ. اهـ.

Terjemahan: Ibn al-Hajj dalam *al-Madkhal* berkata: wujudnya solat *Raghaib* ini terjadi pada tahun 480 Hijriyah. Dan sudah ramai ulama yang mengarang kitab untuk mengingkari (menegahnya), mencela dan membodohkan orang yang mengerjakannya. Maka jangan sampai tertipu kerana banyak orang yang mengerjakan solat itu di serata tempat di kota-kota besar. Lihat: Muhammad Amin Ibn 'Umar 'Abidin, *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Hashiyat Ibn 'Abidin "Kitab al-Salat / Bab al-Witr wa al-Nawafil"*, (Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 2003), 2/500-501 dan 3/52.

⁵⁷ *Ibid*, 3/52.

⁵⁸ Makna *munaqashah* adalah diskusi, perdebatan, pembicaraan. Sila layari: "مناقشة" (t.t.), dicapai 25 Jun 2022, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/>

⁵⁹ Mohd. Aizam Mas'od, *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia*, cet. ke-1, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 93.

⁶⁰ Sila rujuk: Tim Penulis MUI Pusat, *Mengenal dan Mewaspadai Penyimpangan Syi'ah di Indonesia* (t.t.: Gema Insani, t.t.).

ulama ahli al-sunnah. Dalil mereka sangat diragui dan tidak dapat dipertanggungjawabkan disebabkan kesesatan mereka.

3. Dalam perbahasan usul fiqh, prinsip ibadah dalam ajaran Islam dijelaskan sepetimana berikut:

الأَصْلُ فِي الْعِبَادَةِ الْمُنْعَى⁶¹

Terjemahan: Asal daripada ibadah itu adalah *al-Man ‘u* atau larangan (dengan makna lain wajib berpedoman kepada syarak dan tidak diada-adakan oleh diri sendiri).

Oleh itu, jika seseorang mahu mengerjakan suatu ibadah tertentu, wajib dipastikan terlebih dahulu ianya sudah sesuai dengan ketentuan syarak ataupun tidak. Jika bersesuaian dengan aturan syarak maka hukumnya sah dan diterima. Jika sebaliknya, maka batal dan ditolak.

Seterusnya mengikuturaian panjang mengenai amalan solat *Laylat al-Qadr*, dapat disimpulkan bahawa pandangan golongan yang mentegah pengamalan solat ini lebih kuat dalilnya dan layak dijadikan hujah. Manakala dalil golongan yang menyokong tidak dapat dijadikan hujah sebab menggunakan hadith palsu. Selain itu, solat ini merupakan amalan golongan Syiah yang sememangnya masyhur kesesatannya.

KESIMPULAN

Setelah melalui perbahasan kedua golongan ulama di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa pandangan golongan yang menyokong solat *Laylat al-Qadr* yang dijelaskan dalam kitab *Tarjuman* tidak dapat diamalkan sebab ianya tidak memiliki dalil yang diiktiraf oleh syarak bahkan ianya berdalil hadith *mawdu’*. Berbeza dengan dalil golongan yang menolaknya, mereka memiliki hujah yang kuat dan dapat dipertanggungjawabkan. Namun begitu, seseorang boleh untuk qiyamullail melaksanakan solat sunat pada malam-malam bulan Ramadan seperti solat sunat Mutlak,⁶² solat sunat Taubat,⁶³ solat sunat Hajat⁶⁴ dan Witir.⁶⁵ Siapa tahu pada malam itu merupakan *Laylat al-Qadr*. Justeru perkara tersebut sangat digalakkan sehingga dapat menggapai fadilat *Laylat al-Qadr* sepetimana sabda Rasulullah saw:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقُدرِ إِيمَانًاً وَاحْتِسَابًاً غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ . (رواه البخاري)

Terjemahan: Sesiapa sahaja bangun (menunaikan solat sunat qiyamullail) pada *Laylat al-Qadr* kerana keimanan dan pengharapan (terhadap pahala), maka diampuni apa yang telah terdahulu daripada dosanya.⁶⁶

⁶¹ Muhammad Ibn Husayn al-Jizani, *Dirasat wa Tahqiq: al-Asl fi al-‘Ibadat al-Man ‘u “Siyagh al-Qa’idah”*, (Beirut/Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi, 1431 H) 43-44. Bentuk-bentuk kaedah ini banyak, namun makna dan maksud sama sahaja. Hal ini dapat dilihat di kitab yang lain seperti: Abu Khallad Nasir Ibn Sa’id Ibn Sayf al-Sayf, *al-Shuruhat al-Dhahabiyyah ‘ala Manzumat al-Qawa’id al-Fiqhiyyah “al-Asl fi al-‘Ibadat al-Tahrim”*, (t.t.: Dar Ibn Khuzaymah, t.t.), 34.

⁶² Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi, *al-Majmu’* ed. Muhammad Najib al-Muti’i. (Jeddah-al-Su’udi al-‘Arabiyyah: Maktabah al-Irshad, t.t.), 3/246.

⁶³ -, *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif - al-Kutub al-Sittah*, ed. al-Shaykh Saleh Ibn ‘Abd al-‘Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ali al-Shaykh, (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 2000), 1335.

⁶⁴ *Ibid*, 2559.

⁶⁵ *Ibid*, 78.

⁶⁶ *Ibid*, 157.

DAFTAR PUSTAKA

BUKU

- HAMKA. *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002.
- Mokh. Syaiful Bakhri. *Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura*. Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006.
- Syarif, Zainudin. *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*. Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007.
- .. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- .. *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, 2008.
- Hamid, Abdul bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjuman*. Surabaya-Indonesia: Dar al-Saqqaf, 1980.
- Al-Qism al-'Ilmi bi Madar al-Watan, *Laylat al-Qadr Khayr min Alf Shahr*. t.tp.: Dar al-Watan li al-Nashr, t.t..
- Al-Shafi'i, al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri. *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*. t.t.p., t.p., t.t.
- Banjar, Abd. al-Rasyid. *Kitab Perukunan Sebahyang Besar* (Diambil Daripada Setengah Karangan Shaykh Muhammad Arsyad Banjar). Singapura: Singapura Jawi Press - No. 242 Lorong Engku Aman Keling, 1937.
- al-Jawi, Abu al-Mu'ti Muhammad Ibn 'Umar Nawawi. *Nihayat al-Zayn fi Irshad al-Mubtadi'in Sharh 'ala Qurrat al-'Ayn bi Muhimmat al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002.
- Mukhlis, Abd. Rahman. *170 Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise (penerbit)/Percetakan Zafar Sdn. Berhad, 2002.
- Rahman, Abu Muhammad Nur Saiful. *Himpunan 75 Solat-solat Sunat*. Bandar Tun Razak-Malaysia: Asian Printing Works, 1996.
- Al-Latifi, Abul Khairy. *Kelebihan Bulan dan Hari serta Amalan Wirid dan Doa*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man (penerbit)/Munshni Print (cetakan), 1993.
- Mahmood, Kamaruddin. *Himpunan Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya, 1984.
- Ya'kub, Abu Bakar. *Jenis-jenis Sembahyang Sunat*. Bandar Tun Razak-Malaysia: Asian Printing Works, 1996.
- Alias, Johari Hj.. *Wirid dan Doa Selepas Solat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996.
- al-Shafi'i, Al-Shaykh al-'Alim al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Safuri. *Nuzhat al-Majalis wa Muntakhab al-Nafais*, t.t.p, t.p., t.t..
- Al-Khaubawiyy, 'Uthman Ibn Hasan Ibn Ahmad al-Shakir. *Durrat al-Nasihin fi al-Wa'z wa al-Irshad*. t.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t..
- Al-Nazili. Al-Sayyid Muhammad Haqqi. *Khazinat al-Asrar*. Beirut-Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1414 H./1993 M.
- Al-Qummi, Al-Shaykh 'Abbas. *Mafatih al-Jinan*. Kuwait: Maktabah al-Faqih, 2004.
- Al-Zirkli, Khayr al-Din. *al-A 'lam Qamus Tarajum li Ashhur al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustashriqin*. Beirut: Dar al-'IIm li al-Malayin, 2002.
- Al-Hawamidi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad 'Abd al-Salam Khidr al-Shuqayri. *al-Sunan wa al-Mubtada'at al-Muta'alliqah bi al-Adhkar wa al-Salawat*. Kaherah: Dar Ibn Taymiyyah, t.t..

- Al-Tawyajri, ‘Abd Allah Ibn ‘Abd al-‘Aziz Ibn Ahmad. *al-Bida‘ al-Hawliyyah*. Riyad: Dar al-Fadilat, 2000.
- Al-Firuzabadi, Abu Tahir Muhammad Ibn Ya’qub. *Risalat fi Bayan Ma lam Yathbut fihi Hadithun min al-Abwab* ed. Abu ‘Abd al-Rahman Yahya Ibn ‘Ali al-Hajuri. Kaherah: Dar al-Kitab wa al-Sunnah, 2007.
- Al-Shirazi, Majd al-Din Muhammad Ibn Ya’qub al-Firuzabadi. *Sifr al-Sa’adah fi Dhikr Hal Rasul Alah Sallah ‘Alayh wa Sallam qabl Nuzul al-Wahy wa ila an Laqiya Rabbahu “Khatimat al-Kitab”*. t.tp.: Idarat al-Tiba’ah al-Muniriyyah, 1358 H.
- Al-Dimshaqi, Ibn Himmat. *al-Tankit wa al-Ifadah fi Takhrij Ahadith Khatimat Sifr al-Sa’adah “wa Bab Salat al-Raghaib wa Salat Nisf Sha’ban wa Salat Nisf Rejab wa Salat al-Iman wa Salat Laylat al-Mi’raj wa Salat Laylat al-Qadr wa Salat Kull Laylat min Rejab wa Sha’ban wa Ramadan”* ed. Ahmad al-Bazrah. Dhimsaq: Dar al-Ma’mun li al-Turath, 1987.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad. *Majmu’ Fatawa Ibn Taymiyyah*. Al-Madinah al-Munawwarah: Mujamma’ al-Malik Fahd li Tiba’at al-Mushaf al-Sharif, 2004.
- Ibn Taymiyyah Taqiyuddin. *al-Fatawa al-Kubra* ed. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata dan Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987.
- Al-Shatibi, Ibrahim Ibn Musa Ibn Muhammad al-Lakhmi. *Al-I’tisam “Ahadith al-Targhib wa Nahwihi”* ed. Abu ‘Ubaidah Mashhur Ibn Hasan Ali Salman. t.t.p.: Maktabat al-Tawhid, t.t..
- ‘Abidin, Muhammad Amin Ibn ‘Umar. *Radd al-Muhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar Hashiyat Ibn ‘Abidin “Kitab al-Salat / Bab al-Witr wa al-Nawafil”*. Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub, 2003.
- Al-Jizani, Muhammad Ibn Husayn. *Dirasat wa Tahqiq: al-Asl fi al-‘Ibadat al-Man ‘u*. Saudi Arabia, Beirut/Kaherah: Dar Ibn al-Jawzi, 1431 H.
- Mas’od, Mohd. Aizam. *Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013.
- Tim Penulis MUI Pusat. *Mengenal dan Mewaspada Penyimpangan Syi’ah di Indonesia*. t.t.p.: Gema Insani, t.t..
- Al-Sayf, Abu Khallad Nasir Ibn Sa’id Ibn Sayf. *al-Shuruhat al-Dhahabiyyah ‘ala Manzumat al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. t.t.p.: Dar Ibn Kuzaymah, t.t..
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya Ibn Sharaf. *al-Majmu’* ed. Muhammad Najib al-Muti’i. Jeddah-al-Su’udi al-‘Arabiyyah: Maktabah al-Irshad, t.t..
- , *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif - al-Kutub al-Sittah*, ed. al-Shaykh Saleh Ibn ‘Abd al-‘Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ali al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al- Tawzi’, 2000.

TESIS/DISERTASI

- Imamuddin. “Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks”. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2016.
- Abdullah. “Etika Memperlakukan Al-Quran Dalam Kitab Tarjuman Karya KH. Abd. Hamid Bin Isbat Dan KH. Abd. Majid Bin Abd. Hamid”. Skripsi, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2016.

ARTIKEL JURNAL

- . Aksara Pegan: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX, dicapai 18 May 2022. http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf
- Imamuddin & Abdul Karim bin Ali. *Sumbangan dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab Tarjuman*. Al-Basirah (2022).
- Syarif, Zainuddin. “Konsep Pendidikan Tengkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)”. Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura) (2018).

AKHBAR

Hisyam, Muhammad Ali. “*Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu*”. Majalah Dinamika. 2003.

LAMAN SESAWANG

- “Pesantren Banyuanyar Sesepuh Para Kyai” (2016). Dicapai 30 Jun 2022. <http://wiyonggoputih.blogspot.com/2016/08/pesantren-banyuanyar-sesepuh-para-kyai.html>
- “Bany Itsbat Bani Itsbat” (2020). dicapai 3 Jun 2022, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-isbat/>
- “Biografi Pengarang Kitab durrotun Nasihin” (2017). Dicapai 10 Oktober 2022. <https://www.spiritmuslim.co.id/2017/08/biografi-pengarang-kitab-durratun-nasihin.html>
- “Mengenali pelbagai karya ulama Borneo” (2012). Dicapai 10 Oktober 2022. <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/07/18/mengenali-pelbagai-karya-ulama-borneo/>
- “(t.t.). Dicapai 29 September 2022. <http://shamela.ws/index.php/author/1757> ” (الشقرى الشقرى). (t.t.). Dicapai 15 September 2022. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/41945> ” (صلوة مائة ركعة ليلة القدر كل سنة بدعة)
- “(t.t.). Dicapai 25 Jun 2022, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/> ” (مناقشة مناقشة)

